

BAB KEEMPAT

BAB IV

LATARBELAKANG PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (PKINK) .

4. 1. Pendahuluan

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) adalah salah satu badan induk Kerajaan Negeri Kelantan khususnya dalam mengembeling usaha ke arah kemandapan dan membangunkan ekonomi negeri Kelantan seiring sejalan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Segala pengurusan dan pentadbirannya diaplikasikan sejajar dengan visi dan misi kerajaan Kelantan iaitu “ *Membangun Bersama Islam*”.

4.2. Latarbelakang Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

4.2.1. Sejarah Penubuhan

PKINK ditubuhkan pada tahun 1969 (Enakmen No. 10/1966) dengan tujuan untuk membangun ekonomi negeri Kelantan¹⁶⁹ dan ia mula beroperasi pada 10 November 1969. Pengarah Lembaga yang pertama ialah YAB Dato’ Hj.Mohamad Asri Muda merupakan bekas Menteri Besar Kelantan. Salah satu

¹⁶⁹ Kenali PKINK (1990) *Hayatilah Perjuangannya*. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, 5 Febuari 1990, t.hal.

faktor yang mendorong kepada penubuhan PKINK ialah keadaan ekonomi pada masa itu adalah jauh ketinggalan terutama dari segi pembangunan negeri Kelantan.

4.2.2 Tujuan dan Objektif penubuhan PKINK.

Antara tujuannya ialah:

- a. Mengembangkan kemajuan berkenaan dengan kediaman, perusahaan dan perdagangan bagi lingkungan-lingkungan di dalam negeri ini yang ditetapkan bagi maksud tersebut.
- b. Menggalakkan, memudahkan dan membuat kerja memajukan tanah dalam negeri.
- c. Membuat semua perkara dan benda lain yang dikehendaki bagi menjalankan atau menyempurnakan semua atau mana-mana pekerjaan atau tugas perbadanan.

4.2.3. Visi dan misi

PKINK sebagai sebuah badan korporat mempunyai visi dan misi tersendiri iaitu memainkan peranan utama sebagai penggerak ke arah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan berdasarkan kepada dasar-dasar yang telah digariskan dalam Dasar ekonomi Baru (DEB) dan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan ummah.

4.2.4. Peranan PKINK

PKINK memainkan peranan sebagai pembangun sosio-ekonomi keseluruhan, mempelopori individu berpotensi, mewujudkan masyarakat pembangunan dan perindustrian bumiputera dan memegang teguh nilai dan prinsip Islam. Aktiviti yang dijalankan oleh PKINK termasuklah aktiviti perkhidmatan, pertanian, perundangan, perkayuan, hartanah, sumber galian dan pelancongan¹⁷⁰.

4.2.5. Struktur organisasi dan pentadbiran¹⁷¹

PKINK mempunyai struktur organisasi yang tersusun untuk menjalankan operasinya. Ia mempunyai Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar iaitu Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat. Kemudian diikuti dengan ketua Eksekutif yang diketuai oleh Tuan Haji Hanifa Ahmad. Di bawah Ketua Eksekutif pula terdapatnya dua Timbalan Ketua Eksekutif iaitu Bahagian Hal Ehwal Korporat yang dikendalikan oleh Encik Wan Adnan Wan Abdul Kadir. Di bawah Timbalan Ketua Eksekutif ini juga telah mengawasi beberapa bahagian tertentu seperti Perancangan Korporat, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Sistem Maklumat Pengurusan dan Perundangan.

¹⁷⁰ PKINK Web <http://www.pkink.gov.my/roles.htm>, tarikh 12/2/2002

¹⁷¹ Lihat lampiran 1

Manakala Timbalan Ketua Eksekutif seterusnya (Perancangan & Pembangunan) yang dikelola oleh Encik Mohd Suhaimi Husin yang mengawasi beberapa bahagian tertentu, antaranya ialah Projek& Hartanah, Galakan Industri& IKS, Khidmat Teknikal, Pembangunan Usahawan dan Perdagangan Antarabangsa.

4.3 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Jabatan pengurusan Sumber Manusia merupakan salah satu jabatan yang amat penting di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan terutamanya dalam mengerakkan inovasi perancangan pentadbiran dan tenaga kerja untuk keseluruhan organisasi dan secara tidak langsung memainkan peranan dalam proses kaunseling kakitangan PKINK. Jabatan ini juga berperanan melahirkan kumpulan anggota yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan mempunyai daya saing yang tinggi dalam menerokai cabaran dunia korporat.

Mengikut ketua jabatan ini, Tuan Hj Mohd Alwi bin Ya berkata :

"jabatan ini perlu memberi penekanan kepada peningkatan kesedaran dan tanggungjawab tentang kerja dan bidang tugas masing-masing. Keseluruhan anggota Perbadanan disarankan agar mempertingkatkan pengetahuan tentang peranan jabatan serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti masing-masing dan melalui kesedaran ini diharapkan agar keseluruhan anggota Perbadanan dapat berubah daripada sikap makan gaji kepada sikap yang lebih positif dan pro aktif. Kelulusan akademik sahaja tidaklah mencukupi untuk membantu seseorang anggota membina kerjaya. Sikap dan hasrat anggotan itu sendiri hendaklah sentiasa berubah dan mempunyai inovasi¹⁷²."

¹⁷² Berita PKINK Bil 2/96 April/Jun 1996 PKINK, hal. 9.

4.3.1. Peranan dan Fungsi Bahagian pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Sumber manusia ini memainkan peranan menyediakan anggota yang berketerampilan, berdisiplin dengan mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan sumber manusia yang berkualiti bagi mencapai aspirasi kumpulan. Ia berfungsi sebagaimana berikut:

- a. Perancangan gunatenaga untuk memenuhi keperluan kumpulan.
- b. Mewujudkan sistem pentadbiran yang berkesan.
- c. Menghasilkan kumpulan anggota yang berdisiplin, amanah, berilmu, mahir dan dedikasi
- d. Pembinaan dan pengukuhan imej kumpulan
- e. Merangka kemajuan kerjaya anggota
- f. Mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan selamat

4.3.2. Bahagian dan unit sumber manusia serta fungsinya

Jabatan sumber manusia ini mempunyai unit atau bahagian serta peranan yang tersendiri seperti:

4.3.2. (a) Unit Pentadbiran dan Perjawatan

Unit ini akan berusaha agar Pengurusan PKINK sentiasa cekap dan berkesan, menguruskan tentang pentadbiran dan perjawatan kumpulan, persuratan, dokumen dan rekod, pengambilan dan penempatan anggota, anggaran belanjawan, pengurusan fail, gaji dan kemudahan, prestasi dan disiplin, cuti dan rekod cuti, urusan perolehan dan stor, pembelian berpusat, peperiksaan kakitangan, bimbingan dan khidmat nasihat serta lawatan sambil belajar.

4.3.2.(b) Unit Hal Ehwal Korporat

Unit ini memainkan peranan yang sewajarnya dalam meningkatkan imej PKINK dan ia bertanggungjawab sebagai menguruskan pengurusan dan penyebaran maklumat, perhubungan, sosial dan kebajikan di samping menjalinkan hubungan baik di antara jabatan-jabatan kerajaan, agensi swasta dan melibatkan diri hal-hal kemasyarakatan.

4.3.2. (c). Unit latihan

Unit ini sentiasa membuat penelitian mengenai pengetahuan seseorang anggota dan mengenal pasti keperluan latihan yang sesuai kepada kumpulan PKINK dan kendalikan kursus serta latihan. Ia bertindak sebagai penyelarasan kepada kursus-kursus dan latihan kumpulan agar dapat meningkatkan kualiti

kepemimpinan dan pengurusan perbadanan, mempunyai daya saing dan *self-esteem* yang tinggi, berkeyakinan diri dan berdaya tahan, sentiasa berusaha untuk terus memajukan diri dan PKINK, dijadikan sebagai sebuah organisasi pembelajaran., komited kepada tugas, tanggungjawab dan wawasan PKINK. Unit ini secara langsung berperanan kepada kaunseling dan psikologi pekerja¹⁷³.

Tenaga kerja berkualiti merupakan satu konsep yang perlu diberi perhatian serius oleh keseluruhan pihak pengurusan PKINK memandangkan ia berperanan sebagai pemangkin bagi membentuk serta mewarnai kegemilangan dalam perkhidmatan dan produktiviti PKINK. Maka usaha-usaha pembangunan diri perlu dirancang dan dilaksanakan kepada mereka.

4.3.3. Program yang dibuat oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia kepada kakitangan PKINK

Secara umumnya program yang dibuat oleh Unit Pembangunan Sumber manusia khususnya Bahagian Unit Latihan sebagai sebahagian mekanisme kaunseling kakitangan PKINK, antaranya ialah¹⁷⁴:

- a. Mengadakan Kurikulum Pembangunan Insan (KPI) Modul Bina Insan

¹⁷³ Temubual secara tidak formal bersama En. Adilan bin Jusoh, Pegawai Hal Ehwal Koprat, pada 10/10/2001 pukul 11.30 di bilik beliau.

¹⁷⁴ Temubual bersama Tuan Haji Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK pada 3/1/2002, jam 11.30-12.00 di tempat bilik beliau di bangunan PKINK

(jasmani dan rohani). Program ini melibatkan ceramah, forum, dan bengkel. Ia diadakan pada hari Ahad, minggu pertama dan ketiga selama sembilan bulan. Buat permulaan program ini, disasarkan kepada kumpulan pengurusan pegawai kumpulan A. Kurikulum ini mengkhususkan tiga faktor utama iaitu *'ub ūdiyyah*, *mas' ūdiyyah* dan *itqān*.

Dengan penekanan kepada konsep tersebut, diharap mampu memperlengkapkan konsep kerja secara Islam kepada anggota kumpulan PKINK. Kesedaran dalam diri juga akan menjadikan anggota-anggota komited dengan tugas dan tanggungjawab, malahan komitmen dan akauntabiliti kepada Allah dapat dipertingkatkan¹⁷⁵. Penekanan kepada kefahaman dan penghayatan ilmu, kemahiran, melahirkan suasana kerohanian yang dijangka dapat merubah sikap dan nilai yang merupakan salah satu matlamat bimbingan dan kaunseling. Kurikulum ini menggunakan pendekatan keagamaan iaitu pendekatan Islam yang mampu mewujudkan pendekatan dan pengemblengan yang unggul antara ukhrawi dan duniawi.

Program tersebut juga melibatkan aktiviti berasaskan surau seperti sembahyang berjemaah setiap waktu, kuliah maghrib, kuliah subuh dan qiamullail yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan anggota PKINK di samping membimbing dan mendidik mereka ke arah jalan yang lurus dan benar serta melahirkan pekerja yang bertaqwa dan bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu juga sebagai mempraktik dan menghayati sunnah Rasulullah S.A.W di

dalam kehidupan seharian yang dapat membantu menyedari dan menginsafi kewujudan mereka di bumi Allah dan tanggungjawab yang perlu dipikul khususnya dalam melaksanakan tugas sebagai anggota PKINK.

b.Mewujudkan Program Pembangunan insan yang mirip kepada usrah, dibuka kepada semua kakitangan PKINK. Dalam program ini setiap ahli bebas untuk mengemukakan pelbagai soal jawab yang berkait dengan agama dan tanggungjawab muslim serta persoalan tentang masalah yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka sebagai pekerja PKINK. Maka secara tidak langsung anggota PKINK dibimbing, dididik, diberi nasihat, pandangan dan jalan penyelesaian masalah oleh kumpulan mereka sendiri untuk menyelesaikan segala masalah dan peningkatan diri ke arah jati diri yang lebih cemerlang. Ini merupakan sebahagian daripada elemen dalam kaunseling.

Di samping itu, dalam program usrah diikuti dengan bacaan tafsir al-Qur'ān yang boleh memantapkan lagi hujah-hujah yang dikemukakan dan mengisi kerohanian para pekerja sebagai salah satu cara untuk memotivasi dan membimbing para pekerja. Ini menunjukkan pihak pengurusan perbadanan mengambil berat soal-soal yang berkait dengan kerohanian dan ketaqwaan kepada Allah. Hanya dengan pengukuhan iman dan kepatuhan sebenar kepada ajaran Islam akan lebih memantapkan lagi tanggungjawab dan peranan setiap anggota

perbadanan terhadap perkembangan prestasi perbadanan¹⁷⁶ dan mampu menjadi teras dan tonggak jatidiri anggota PKINK bagi meningkatkan kecerdasannya.

c. Mengadakan program kecemerlangan dalam keseronakan bekerja dan kesediaan kepada organisasi dengan tujuan membentuk sikap positif ke arah kecemerlangan dan mengenal cara-cara berkesan untuk mendorong dan memotivasikan para pekerja bagi mencapai matlamat organisasi.

d. Sentiasa mengadakan program qiamullail kerana dengannya dapat memberi kekuatan yang unggul kepada para pekerja sebagai salah satu motivasi dan bimbingan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang sempurna sebagai anggota PKINK bertujuan untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan para anggota. Dalam banyak keadaan, kakitangan juga digalakkan supaya banyak beristighfar dan sentiasa insaf semoga berada dalam keampunan Allah dan terhindar daripada melakukan kesilapan¹⁷⁷. Dengan ini secara tidak langsung telah memberi bimbingan kepada anggota PKINK untuk sentiasa berusaha untuk menjadi insan yang baik dan dinamik.

e. Kursus kefahaman Islam iaitu penghayatan Islam dalam kehidupan sebagai "*Islam way of life*". Maka setiap tugas dan tanggungjawab yang dilakukan adalah berkhidmat untuk Islam. Di samping itu menghayati dan

¹⁷⁶ **Berita PKINK**, Bil 4/96, Okt/ Dis. Hal.12

¹⁷⁷ Ucapan YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam ucapan Majlis Sambutan Pelantikan Pengarah-Pengarah Dalam Kumpulan PKINK, **Berita PKINK**, Bil 3/2000, Julai-Sept 2000, hal. 11

mengamal nilai-nilai murni dalam kehidupan dan amalan bacaan doa dan tazkirah sebelum memulakan tugas.

f.Mengadakan strategi pembelajaran untuk anak-anak anggota PKINK sebagai salah satu cara menolong dan menyelesaikan masalah anggota PKINK dalam mendidik anak-anak. Ini merupakan sebagai salah satu cara menolong dan membantu para pekerjanya dalam membimbing anak-anak mereka. Dengan cara ini dapat mengurangkan bebanan dan masalah para pekerja dalam proses memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Secara psikologinya, para pekerja dapat menumpukan tumpuan sepenuhnya kepada tugas dan tanggungjawabnya sebagai pekerja PKINK kerana pihak PKINK dapat menarik hati para pekerja dengan mengambil berat keperluan anak-anak mereka.

g.Pihak Pengurusan PKINK juga telah mengambil inisiatif membimbing dan mendidik serta memberi panduan dan tunjuk ajar kepada para pekerjanya dengan mengadakan kelas qiraati al-Qur'ān pada setiap hari Isnin dan Khamis untuk semua anggota kumpulan PKINK. Dengan tujuannya menjadikan al-Qur'ān sebagai panduan hidup anggota PKINK dan menjadikan budaya al-Qur'ān akan terus subur dan mekar di dalam jiwa untuk membentuk keperibadian mulia.Di samping itu juga, program ini adalah sebagai salah satu pendekatan kepada pemahaman serta penghayatan al-Qur'ān yang mampu untuk mendisiplinkan dan memotivasikan serta membimbing anggota-anggota

kumpulan PKINK melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan profesional dan cemerlang sejajar dengan dasar "*Membangun Bersama Islam*".

Usaha PKINK mengendalikan pelbagai program pembentukan peribadi dan akhlak mulia amat sesuai sekali bagi memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah, supaya ia dapat dilaksanakan dengan ikhlas dan penuh redha¹⁷⁸. Langkah yang dibuat oleh pihak PKINK ini adalah sebahagian daripada proses membimbing para pekerjaanya ke arah yang lebih cemerlang.

h. Pada bulan puasa, tiap-tiap hari Ahad, Isnin dan Rabu, anggota PKINK mengadakan majlis tadarus al-Qur'ān berserta terjemahannya, di samping itu kuliah falsafah sembahyang diadakan dan majlis berbuka puasa turut menjadi agenda dalam menghayati bulan Ramadan¹⁷⁹ sebagai salah satu agenda untuk memberi didikan dan bimbingan kepada para pekerjaanya. Ini dengan tujuan untuk menyuburkan kerohanian dan ketaqwaan anggota PKINK kepada Allah di samping mengeratkan hubungan silatulahim sesama mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

i. PKINK juga telah mengadakan "Majlis Pelancaran Pemakaian Taqwm dan Diari Hijrah" pada 7 Muharram 1421. Setiap bulan dalam kalendar hijrah turut mencatatkan peristiwa penting yang perlu dihayati oleh masyarakat Islam. Dengan tujuan untuk membolehkan umat Islam mengambil pengajaran dan

¹⁷⁸ **Berita PKINK** Bil 2/2001 Jan-Mac 2001, hal. 4

¹⁷⁹ **Berita PKINK**, Bil 1/99, Jan-Mac 1999, hal. 7

mengingatnkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bulan hijrah dan menginsafi perjuangan nabi, sahabat-sahabat baginda serta kebesaran dan kekuasaan Allah. Di samping menjadikannya sebagai pendorong dan motivasi serta kesedaran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah dan bertanggungjawab sebagai anggota PKINK. Ini semua adalah sebagai salah satu pengajaran, bimbingan dan psikologi pihak pengurusan PKINK kepada kakitangannya.

j.Ceramah agama juga turut diadakan seperti mengadakan kelas tauhid dan Fardu Ain yang diadakan pada setiap hari ahad jam 1.00-2.00 dan kelas tafsir al-Qurān pada setiap hari Rabu. Ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan kepada kakitangan PKINK dan pengisian kerohanian bagi menambahkan kekuatan dalaman pekerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di samping bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan cabaran yang berlaku.

k.Selaras dengan objektif kumpulan PKINK untuk melahirkan tenaga insan yang berkualiti untuk kepentingan PKINK, maka pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia menganjurkan diskusi ilmu anggota perbadanan dengan menggunakan buku “Panduan al-Qurān dan al-Hadith” bagi pegawai dan kakitangan PKINK sebagai rujukan dan motivasi kepada mereka disamping sebagai salah satu mekanisme bimbingan dan didikan kepada mereka. Setiap anggota didedahkan dengan sifat-sifat yang sepatutnya ada pada setiap anggota

perbadanan untuk menjadi pekerja yang dedikasi, efektif dan profesional. Metode ini memberi peluang kepada anggota PKINK untuk bertanya sebarang persoalan yang terbuka, berbincang dan sebagainya. Maka segala persoalan mungkin akan terjawab.

l.Selain daripada program dalam bentuk keroohanian, pelbagai aktiviti juga yang dianjurkan oleh PKINK kepada anggotanya khususnya Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK seperti kelas Aerobik yang diadakan setiap hari Sabtu jam 9.30-10.30 dan hari Khamis jam 5.30-6.30 di Kompleks Sukan Sri Perdana. Ini bertujuan untuk melahirkan anggota yang sihat fizikal dan jasmani untuk menjalankan tugas harian sebagai warga PKINK.

m. Pihak PKINK juga telah memberi kemudahan kepada anggotanya dengan mengadakan Kelas Masakan dan Jahitan kepada anggota wanita PKINK dengan tujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada mereka. Tindakan ini merupakan salah satu psikologi pihak pengurusan untuk memberi motivasi dan menarik minat para pekerjanya untuk bersama-sama mendokong misi dan visi PKINK.

n.Program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pengurusan PKINK untuk memotivasi dan menarik minat para pekerjanya juga untuk sentiasa bersama - sama dengan PKINK ialah mengadakan sukan rakyat dan perkhelahan yang dianjurkan Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Wanita pada 24 Februari di Pantai

Melawi, Bachok. Juga mengadakan Hari Keluarga, Sukan GEMAPUTERA yang diadakan di Kuantan pada 6-9 September 2000 dengan mengadakan acara badminton, bolasepak, golf, karom, tenis, boling, bola jaring dan memancing. Ini bertujuan untuk melahirkan pekerja yang sihat mental dan jasmani, menghilangkan tekanan, merehatkan diri dari bekerja, menjalinkan hubungan antara satu sama lain dan sebagainya.

o. Pihak pengurusan PKINK juga mengadakan program sosial seperti Perjumpaan hari raya bagi menimbulkan semangat kegembiraan dan kesempatan untuk bertanya khabar dan beramah mesra di antara satu sama lain serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim. Dengan program sebegini mampu menolong mempertingkatkan lagi persefahaman dan kerjasama di kalangan anggota PKINK dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.¹⁸⁰ Secara tidak langsung dapat mendidik dan membimbing para pekerja untuk mewujudkan sikap bekerjasama antara satu sama lain dan sifat-sifat positif yang lain.

p. Pihak pengurusan PKINK khususnya Bahagian Latihan juga telah menganjurkan pelbagai kursus kepada kakitangan PKINK seperti kursus *Developing Supervisory Competency* pada 27-29 Oktober 1996, bertempat di Perdana Resort Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu Kelantan. Program ini telah berjaya memberikan pendedahan motivasi kepada kakitangan PKINK, bagaimana untuk meningkatkan mutu kerja dan mengawal psikologi

pekerja yang bermasalah, meningkatkan profesionalisme, akauntabiliti dan sebagainya¹⁸¹.

4.4. Kesimpulan

Daripada penelitian dan kajian, pendek kata pihak pengurusan PKINK khususnya Bahagian Sumber Manusia telah banyak mengadakan pelbagai program bimbingan dan melaksanakan elemen-elemen kaunseling dan psikologi yang tertentu samada dari aspek kerohanian, sosial dan sebagainya kepada semua kakitangan PKINK samada peringkat bawahan atau atasan dengan tujuan menolong menyelesaikan masalah, meningkatkan motivasi dan perubahan diri kepada kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai anggota PKINK untuk menjadikan pekerja yang sentiasa bersemangat, dedikasi, cemerlang dan produktif serta minat dan suka dalam melaksanakan tugas.

¹⁸⁰ **Berita PKINK**, Bil 1/97, Jan/ Mac 1997 hal. 9

¹⁸¹ **Berita PKINK** Bil 4/96, Okt/ Dis 1996